



FORUM PENGGUNA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## NASKHAH PERCUMA

consumer.forum.malaysia

cfm\_malaysia

ISU KHAS BEKERJA DARI RUMAH!

H I 2020

### ISU BULETIN -

**5 SEBAB MENGAPA PENGAMBILAN PEKERJA SECARA DALAM TALIAN DAN BEKERJA DARI RUMAH ADALAH CARA MASA HADAPAN**

Mengapa amalan bekerja dari rumah akan kekal lama

### DIGITAL -

**6 TIP PENTING UNTUK BEKERJA DARI RUMAH DENGAN LEBIH PRODUKTIF**

Nikmati produktiviti yang lebih baik dengan tip berguna ini

# SHOUT!

TERBITAN FORUM PENGGUNA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

INTERAKSI BERSAMA...

**MAHADHIR AZIZ**  
Ketua Pegawai Eksekutif Futurise

Ketahui bagaimana syarikat ini merancang masa depan ekonomi digital Malaysia



Imbas kod QR untuk membaca di [consumerinfo.my](http://consumerinfo.my)

ISSN 2289-3504



KDN PP 17752/11/2013 (033132) 9 772289 350008 >

# PENGENALAN



## NOTA EDITOR

Pembaca yang dihormati,

Selamat datang kembali ke edisi terbaharu majalah SHOUT! buat pembaca yang disayangi. Kita kini sedang hidup dalam krisis yang tidak pernah kita lalui sebelum ini sejak wabak COVID-19 melanda dunia sehingga telah mencetuskan banyak perkara getir buat jutaan manusia. Pandemik ini telah menjejaskan cara kita hidup dan bekerja, malah mungkin akan kekal dalam masa yang lama. Pada waktu ini kita terpaksa terus bergelut dan perlu belajar untuk hidup dalam norma baharu.

Namun, sisi positif dari apa yang telah berlaku ia telah menjadi pencetus kepada transformasi digital apabila ramai yang telah menerima amalan bekerja dari rumah, menggunakan platform e-dompot dan menjalankan e-perdagangan dengan lebih rancak. Ia juga bermaksud kita lebih banyak bergantung kepada teknologi daripada sebelum ini untuk kekal berhubung. Ia juga menjadikan usaha untuk menyampaikan maklumat, mendidik serta melindungi pengguna dan hak mereka menjadi lebih kritikal.

Dalam isu kali ini, kami berkongsi pelbagai tip, cara, dan artikel bagaimana untuk menjadi produktif dalam era norma baharu. Di ruang Zon App, kami juga berkongsi 6 aplikasi sembang video yang disyorkan supaya anda dapat terus kekal berhubung. Manakala di segmen Digital, kami menyenaraikan 6 tip penting untuk anda bekerja dari rumah dengan lebih baik.

Di sudut utama, kami bawakan temu bual eksklusif bersama Ketua Pegawai Eksekutif Futurise, Mahadhir Aziz untuk mengetahui lebih lanjut mengenai syarikat tersebut dan peranannya dalam merancang masa depan ekonomi Malaysia. Sehingga berjumpa lagi di isu akan datang, kekal selamat dan jaga kesihatan!

**Ts. Dr. Syed Agil Shekh Alsagoff**  
Editor

### JAWATANKUASA EDITORIAL

**AHMAD IZHAM  
KHAIRUDDIN**

**NOOR  
SHAHDIELLA ABD  
MANAN**

**ROHARRASHIDAH  
ABDUL HALIL**

### SHOUT!

diterbitkan oleh:

**Forum Pengguna**

**Komunikasi dan**

**Multimedia Malaysia (CFM)**

MCMC Centre of Excellence

(MCMC CoE),

Jalan Impact, Cyber 6,

63000 Cyberjaya,

Selangor



03-8320 9033



03-8320 9083



[www.consumerinfo.my](http://www.consumerinfo.my)

[www.cfm.my](http://www.cfm.my)



Muat turun

**MY MOBILE RIGHTS**



### DICETAK OLEH

Ultimate Print Sdn. Bhd.

Lot 2, Jalan Sepana 15/3,

Off Persiaran Selangor,

Seksyen 15,

40200 Shah Alam, Selangor

KDN PP 17752/11/2013

(033132)

## KANDUNGAN

### MEDIA SOSIAL

3

#### **MEDIA SOSIAL BOLEH BERI MANFAAT DAN BAWA RISIKO KEPADA BELIA**

Ketahui kesan positif dan negatif penggunaan media sosial terhadap anak-anak anda

### INTERAKSI

4-5

#### **MAHADHIR AZIZ, KETUA PEGAWAI**

#### **EKSEKUTIF FUTURISE**

Ketua Pegawai Eksekutif Futurise, menerajui salah sebuah syarikat yang paling inovatif di Malaysia berkongsi bagaimana organisasi beliau membantu menjamin masa depan ekonomi digital Malaysia

### ZON APP

6

#### **6 APLIKASI SEMBANG VIDEO UNTUK ANDA KEKAL BERHUBUNG DENGAN SEMUA ORANG SAMA ADA**

**JAUH ATAUPUN DEKAT**  
Ketahui 6 aplikasi paling kerap digunakan untuk membantu anda kekal berhubung dengan orang tersayang dan rakan-rakan tidak kira di mana mereka berada

### ISU BULETIN

7

#### **BEKERJA DARI RUMAH DAN PENGAMBILAN PEKERJA SECARA DALAM TALIAN ADALAH CARA MASA HADAPAN: BERIKUT ADALAH**

#### **5 SEBAB UTAMANYA**

Pandemik telah memaksa banyak organisasi dan pekerja mereka untuk bekerja dari rumah. Berikut adalah 5 sebab kenapa *trend* ini akan menjadi cara kerja baharu masa hadapan

### PAUTAN

8-9

#### **PROGRAM DAN AKTIVITI CFM BERSAMA PENGGUNA**

Ketahui aktiviti menarik yang dilakukan oleh CFM sepanjang setengah tahun pertama ini

### DIGITAL

10

#### **6 TIP TERBAIK UNTUK BEKERJA DARI RUMAH DENGAN LEBIH PRODUKTIF - LANGKAH PENTING UNTUK PASTIKAN KERJA ANDA SELESAI**

Bekerja dari rumah bukanlah sesuatu yang mudah. 6 tip yang telah dicuba dan diuji ini akan membantu memaksimumkan produktiviti anda

# MEDIA SOSIAL BOLEH BERI MANFAAT DAN BAWA RISIKO KEPADA BELIA

Tiada satu wadah komunikasi dalam sejarah yang betul-betul dapat menghubungkan kita melainkan kuasa media sosial seperti yang kita sedang gunakan pada masa sekarang. Pada Januari 2020, Malaysia mempunyai seramai 26 juta pengguna media sosial yang mewakili 81% kadar penembusan dalam negara <sup>(1)</sup>. Ia merupakan angka yang sangat mengagumkan kerana bukan sahaja orang dewasa malahan golongan belia juga aktif menggunakan media sosial setiap hari. Bagi kebanyakan remaja, media sosial menjadi sebahagian penting daripada kehidupan sosial mereka.

Ramai yang sudah mengenali platform media sosial terutamanya yang terkenal seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *WeChat*, *TikTok*, dan *YouTube*. Ruang maya ini telah menjadi ruangan yang kita selalu gunakan setiap hari. Malahan ada permainan-permainan video yang membenarkan anak-anak muda untuk berinteraksi dengan pemain-pemain lain secara dalam talian. Mereka boleh membentuk kumpulan sembang dan berbincang mengenai strategi untuk memenangi permainan tersebut, sekaligus menjadikan ia juga salah satu platform media sosial. Antara permainan yang menawarkan ruang sosial seperti itu ialah *Fortnite*, *World of Warcraft* dan banyak lagi.

Penggunaan media sosial secara sederhana pastinya memberi impak positif kepada belia. Bukan sahaja ia menjadikan mereka celik digital, tetapi ia juga mampu meningkatkan daya kreativiti dan juga kemahiran sosial mereka. Media sosial juga membantu remaja mengekalkan hubungan dan kebersamaan antara rakan sebaya dan juga kenalan di luar negara.

### BAHAYA MEDIA SOSIAL

Walaupun media sosial mempunyai banyak kesan positif, namun penggunaan yang tidak terkawal juga boleh mengundang risiko dan masalah terutamanya kepada pengguna-pengguna muda. Mereka terdedah kepada tekanan rakan sebaya dan tidak mampu untuk menguruskan penggunaan media sosial dengan lebih bertanggungjawab. Dalam satu kajian yang dilakukan ke atas golongan remaja di Amerika Syarikat, didapati mereka yang menghabiskan masa di media sosial lebih dari 3 jam sehari sangat terdedah kepada masalah kesihatan mental <sup>(2)</sup>.

Antara kesan penggunaan media sosial yang lain ialah remaja sangat terdedah kepada gejala buli siber dan gangguan dalam talian. Ia boleh merosakkan keyakinan diri mereka, maklumat peribadi dibocorkan, terdedah kepada kandungan yang tidak sesuai dengan umur mereka dan juga terpedaya dengan helah orang tidak dikenali yang berniat jahat terhadap mereka.

Selain itu, isu lain ialah kecenderungan dalam perbandingan sosial. Bukan sahaja remaja malahan golongan dewasa juga cenderung untuk membandingkan diri dengan orang lain yang dilihat lebih berjaya dan memiliki kehidupan peribadi yang lebih baik di media sosial.

Namun dalam tidak sedar, kebanyakan laman media sosial memaparkan iklan bersasar untuk memadankan dengan minat pengguna. Caranya ialah mereka menganalisa apa yang pengguna tersebut cari dan klik di media sosial termasuklah



dengan mengumpul maklumat demografi pengguna. Pernahkah kita terfikir mengapa terdapat banyak iklan mainan dan makanan segera setiap kali cerita kartun ditayangkan di TV? Itu adalah contoh bagaimana iklan bersasar dilakukan. Namun media sosial boleh melakukannya jauh lebih hebat kerana skop iklan itu boleh dikesilkan dan disasarkan terus kepada minat spesifik pengguna. Iklan-iklan ini mampu mengubah sikap membeli pengguna dan ternyata bukan sahaja remaja malahan orang dewasa juga boleh terpengaruh dengan iklan-iklan tersebut.

Justeru, ibu bapa perlu mengambil tanggungjawab untuk mengetahui platform media sosial yang kerap digunakan oleh anak-anak, memantau kekerapan penggunaannya dan mengetahui siapakah lingkungan rakan-rakan anak mereka di media sosial. Ibu bapa juga perlu kerap berkomunikasi dengan anak-anak dan berbincang mengenai masalah yang mereka hadapi secara terbuka di samping terus mengawal selia penggunaan media sosial secara bertanggungjawab.

\*Rujukan:

(1) Laporan *We Are Social - Digital 2020*  
<https://wearesocial.com/digital-2020>

(2) <https://jamanetwork.com/journals/jamapsychiatry/article-abstract/2749480>

# INTERAKSI BERSAMA MAHADHIR AZIZ

## KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF FUTURISE

Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Futurise, Mahadhir Aziz telah melaksanakan tugas yang sangat membanggakan dalam mengendalikan salah sebuah syarikat paling inovatif di Malaysia. SHOUT! telah menemui beliau untuk mengetahui sendiri mengenai Futurise dan peranannya dalam merancang masa depan ekonomi negara.



Kami menempuh cabaran kesan daripada pandemik ini secara positif dan memanfaatkan peluang yang ada untuk membantu syarikat-syarikat di Malaysia dan juga kerajaan bagi menyesuaikan diri dengan kebiasaan baharu melalui intervensi kawal selia dan projek-projek digitalisasi.

- MAHADHIR AZIZ -

1. Apa yang Futurise lakukan sebagai sebuah organisasi dan apakah matlamat yang ingin dicapai untuk Futurise dalam masa terdekat dan juga untuk jangka masa panjang? Apakah pencapaian yang telah dicapai sepanjang menerajui Futurise sebagai Ketua Pegawai Eksekutif?

Futurise adalah sebuah anak syarikat milik penuh Cyberview Sdn. Bhd yang telah diperbadankan pada Ogos 2017 dan bernaung di bawah Kementerian Kewangan. Matlamat Futurise ialah untuk mempersiapkan negara dalam aspek modal insan, inovasi, dan aktiviti ekonomi untuk membentuk ekonomi masa hadapan.

Kami bertindak sebagai agensi pelaksana bagi pihak kerajaan yang diberikan mandat untuk menerajui inisiatif *National Regulatory Sandbox* (NRS). Inisiatif NRS ini bertindak sebagai kerangka peraturan yang mesra digital, adaptif dan progresif untuk membolehkan kerajaan memacu rekaan ekosistem teknologi baharu dan memangkin lebih banyak aktiviti komersial sekaligus mempromosikan aktiviti eksport produk dan perkhidmatan berasaskan teknologi ke peringkat ASEAN dan seterusnya.

Salah satu kisah kejayaan yang boleh dikongsi ialah Futurise bersama dengan pihak-pihak berkepentingan telah mengemas kini Peraturan-peraturan Penerbangan Awam Malaysia (MCAR) dengan garis panduan mengenai pengurusan Sistem Pesawat Tanpa Pemandu (UAV) atau dron. Langkah ini telah membantu pemain-pemain industri untuk membuka perkhidmatan berkaitan dron. Kita juga dapat melihat pertumbuhan syarikat baharu dan peluang pekerjaan yang ditawarkan hasil daripada garis panduan baharu ini.

Pada masa yang sama, Bahagian Logistik & Pengangkutan Darat Kementerian Pengangkutan Malaysia (MoT) juga telah melancarkan garis panduan untuk Kenderaan Berautonomi atau kenderaan pandu sendiri yang akan digunakan untuk mengurus laluan pengujian di Cyberjaya pada awal tahun 2021 di bawah projek bernama MyAV. Kejayaan ini merupakan pencapaian yang amat membanggakan bagi kedua-dua pihak MoT dan Futurise kerana kerjasama kami melalui inisiatif NRS bukan sahaja membenarkan syarikat-syarikat tempatan untuk menguji teknologi baharu, tetapi juga membuka kemudahan yang sama kepada syarikat asing untuk turut serta.

Kami merancang untuk membentangkan kad laporan perjalanan tiga tahun kami pada suku pertama 2021.

## INTERAKSI

2. **Pandemik COVID-19 telah memberi kesan terhadap hampir semua peringkat perniagaan dan komuniti di Malaysia. Apakah cabaran terbesar yang dihadapi oleh Futurise di musim pandemik ini? Bagaimana syarikat menyesuaikan diri?**

Kami menempuh cabaran kesan daripada pandemik ini secara positif dan memanfaatkan peluang yang ada untuk membantu syarikat-syarikat di Malaysia dan juga kerajaan bagi menyesuaikan diri dengan kebiasaan baharu melalui intervensi kawal selia dan projek-projek digitalisasi.

Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai pakej rangsangan ekonomi seperti peluang pembelajaran kemahiran baharu, menambah baik kemahiran sedia ada, subsidi gaji dan insentif untuk projek digitalisasi. Pakej rangsangan ekonomi ini adalah untuk mendorong kelangsungan dan menambah peluang pekerjaan untuk rakyat. Futurise telah terlibat dalam inisiatif-inisiatif tersebut terutamanya dalam usaha transformasi digital bagi organisasi dan bekerjasama dengan Majlis Pekerjaan Negara melalui pelbagai agensi.

3. **Apa pendapat anda mengenai kadar ketersambungan semasa di Malaysia? Adakah kita bersedia untuk mengintegrasikan dan melancarkan 5G?**

Kita secara umumnya terhubung lebih baik di kawasan-kawasan bandar jika dibandingkan dengan beberapa negara jiran tetapi penambahbaikan perlu diteruskan kerana masih ada beberapa kawasan yang belum mendapat liputan yang baik walaupun terletak di lokasi berkepadatan tinggi seperti di Lembah Klang. Musim pandemik ini juga telah menunjukkan kawasan-kawasan yang memerlukan pembangunan untuk liputan yang lebih meluas terutamanya apabila kita mengambil kira akses internet menjadi utiliti asas yang perlu ada untuk pekerjaan jarak jauh, pendidikan dan juga perniagaan.

Dalam pada kita menerima kehadiran sambungan 5G di Malaysia, saya terpenggal untuk mempersoalkan keperluan teknologi sambungan tersebut kerana pelaburan untuk infrastruktur sangat penting. Walaupun Malaysia secara teknikalnya bersedia untuk kemajuan tersebut, namun kita harus menentukan sama ada ia betul-betul diperlukan dalam tempoh ini.

4. **Teknologi robotik seperti Sistem Pesawat Tanpa Pemandu (UAV) dan Kenderaan Berautonomi (AV) dengan pantas menjadi aset penting bagi sektor perniagaan, pihak kerajaan dan juga pengguna sejak sedekad yang lalu. Dengan adanya pelaksanaan 5G dalam waktu terdekat, kita boleh jangkakan ada peningkatan aplikasi dan penggunaan operasi udara berautonomi di kawasan-kawasan industri. Adakah perniagaan di Malaysia telah bersedia untuk menjadikan teknologi canggih ini sebagai sebahagian daripada langkah memasuki Revolusi Industri (IR) 4.0?**

Semua teknologi ini termasuklah 5G berada dalam tahap perkembangan yang baharu dan 5G tidak semestinya memerlukan UAV dan AV. Peningkatan terhadap penerapan teknologi seperti ini akan bertumpu dan didorong oleh industri dan teknologi spesifik IR 4.0. Contohnya ialah penggunaan robotik dalam sektor pembuatan yang membolehkan operasi pengeluaran automatik sepenuhnya dilakukan tanpa tenaga kerja manusia. Tetapi kita tidak boleh mengharapkan sektor pendidikan untuk mempunyai kadar penggunaan dan sifat yang serupa dengan sektor pembuatan. Industri-industri lain seperti sektor pelancongan mungkin dapat dijana dengan lebih baik melalui penggunaan teknologi IR 4.0 seperti Realiti Terimbuh (*Augmented Reality*) atau Realiti Maya (*Virtual Reality*), Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*) atau robotik berasaskan perisian.

Malaysia telah melancarkan inisiatif *Industry4wrd* pada tahun 2019 dan Futurise menjadi sebahagian daripada Kumpulan Kerja Teknikal untuk Peraturan. Inisiatif berkenaan kini dalam tahap penilaian dan kami bersedia untuk menyumbang kepada gerak kerjanya bila-bila sahaja diperlukan.

5. **Salah satu kebimbangan terbesar pengguna ialah mengenai perlindungan data peribadi ke arah penggunaan teknologi 5G. Apakah peranan CFM yang anda dapat lihat bagi menyokong dan melindungi hak pengguna dan data peribadi mereka dalam suasana kebiasaan baharu?**

Kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah untuk melindungi privasi data peribadi pengguna di samping CFM yang telah banyak membantu menyediakan saluran bersetujuan untuk pengguna membuat aduan dan mendapatkan bantuan penyelesaian. Namun dengan kehadiran kandungan baharu ditambah dengan pengenalan teknologi 5G boleh menjadi punca yang mendorong pengguna untuk berkongsi lebih banyak maklumat peribadi daripada apa yang kita jangkakan. Oleh itu, CFM boleh memanfaatkan peranan utama mereka sebagai platform yang bebas dan saksama untuk pengguna bagi sektor industri Komunikasi & Multimedia. CFM juga berperanan untuk mendidik dan menasihati pengguna mengenai hak mereka dan cara untuk membuat pilihan yang tepat mengikut keperluan dan kesesuaian pengguna ketika kita semua bergerak ke arah teknologi 5G.



## SOALAN RAPID FIRE SHOUT!

- Gambarkan diri anda dalam 3 perkataan.  
Berwawasan, Bersemangat, Yakin
- Sekiranya anda boleh berada di mana sahaja, di mana tempat yang anda mahu pergi buat masa sekarang? Kenapa?  
Pantai yang cerah di sebuah pulau bersama dengan keluarga. Nampaknya ia seperti percutian yang semua orang perlukan termasuklah saya.
- Anda suka waktu siang atau malam?  
Bergantung sama ada ia hari bekerja atau hujung minggu.
- Individu atau personaliti yang anda kagumi? Kenapa?  
Terlalu banyak untuk saya senaraikan di sini. Ada ramai orang yang saya kagumi dan hormati sepanjang hidup saya, setiap satunya memiliki kualiti yang saya inginkan dan saya akan terus berusaha untuk mencapainya.
- Apakah perkara yang paling berharga dalam hidup anda dan mengapa?  
Kesihatan saya. Membantu untuk saya terus bergerak dan berusaha lebih keras bila-bila sahaja saya mahukannya.
- Filem/pelakon kegemaran anda, dan mengapa?  
Buat masa ini – Ann Taylor Joy. Dia membuatkan saya ingin membuka dan kembali bermain set chess saya. Juga matanya.
- Apakah teknologi baharu yang anda fikirkan boleh mengubah masa hadapan?  
Kecerdasan buatan. Kemajuan ini akan membalik pulih pekerjaan masa depan, fungsi dan cara kita menjalani kehidupan secara umumnya.
- Jika anda berpeluang, di mana tempat anda mahu berkunjung?  
Terlalu banyak tempat yang belum pernah saya kunjungi namun apa yang bermain di fikiran saya sekarang ialah Dubrovnik, Croatia.
- Pantai atau Gunung?  
Pantai berdekatan gunung.
- Apakah 'mantera' hidup anda?  
"Bukan dunia, tetapi kita yang tentukan jalan hidup kita."

## 6 APLIKASI SEMBANG VIDEO UNTUK KEKAL BERHUBUNG DENGAN ORANG JAUH MAHUPUN DEKAT

*Kini ia menjadi lebih mudah untuk kekal berhubung dengan teman rapat, keluarga, dan rakan sekerja melalui telefon pintar atau komputer peribadi (PC) dengan menggunakan beberapa aplikasi sembang video ini*

Musim pandemik ini telah memberikan pelbagai cabaran baharu dari segi cara kita berkerja, berkomunikasi dan bersosial dengan rakan sekerja, teman rapat dan keluarga. Sehubungan itu, sejumlah aplikasi sembang video telah muncul untuk mengisi keperluan itu dan membenarkan semua orang untuk kekal berhubung melalui kehebatan teknologi walaupun kita terpisah oleh jarak yang jauh.

Bermula dengan kehadiran *Skype* sehinggalah dengan kemunculan terbaharu seperti *Zoom*, aplikasi-aplikasi sembang video ini walau bagaimanapun tidaklah memenuhi setiap kehendak pengguna. Hal ini kerana ada aplikasi yang hanya sesuai untuk tujuan kerja manakala ada pula yang sesuai untuk penggunaan yang lebih santai seperti berkomunikasi dengan rakan dan keluarga. Kami telah menyenarai pendek aplikasi-aplikasi sembang video terbaik buat anda dan apakah fungsi paling baik bagi setiap satu aplikasi tersebut dalam panduan terperinci kali ini!

### ZOOM



Aplikasi ini sangat mesra pengguna dan boleh didapati di PC, iOS, Android, dan Mac. *Zoom* membenarkan anda untuk berbual melalui video dan boleh memuatkan sehingga 100 peserta dalam satu masa secara percuma. Walaupun ia terhad pada durasi 40 minit setiap sesi untuk edisi percuma, namun anda boleh membuat langganan untuk mendapatkan durasi dan saiz kumpulan sembang yang lebih besar. Anda akan mendapat masa penggunaan tanpa had jika anda bersembang secara berdua dan anda juga boleh merakam video mesyuarat anda.

### SKYPE



*Skype* secara umumnya percuma – anda perlu membayar untuk panggilan suara ke talian tetap atau telefon – dan ia boleh diakses melalui Android, iOS, PC dan Mac. Ia memang sangat berguna apabila anda boleh berkomunikasi secara panggilan video dengan 50 orang dalam satu masa dan ia sangat mudah digunakan. Satu kelebihan *Skype* ialah anda tidak perlu untuk memuat turun aplikasi tersebut untuk menggunakannya. Ciri khas *Meet Now* mereka membolehkan anda untuk mengadakan mesyuarat melalui video dengan 50 orang pengguna dalam talian dengan hanya satu pautan ke laman web yang mudah.

### CISCO WEBEX



*Cisco's Webex* direka khas untuk kegunaan perbincangan bisnes dengan kebolehan perjumpaan video berdurasi 50 minit untuk 100 peserta dalam satu masa secara percuma. Jumlah penggunaan akan meningkat seiring dengan peningkatan bayaran langganan bulanan anda untuk menampung lebih ramai peserta, penyimpanan rakaman *cloud* yang lebih besar dan durasi video yang lebih panjang. Anda perlu mempunyai alasan yang khusus untuk menggunakan aplikasi ini. Jika tidak, anda boleh memilih untuk menggunakan aplikasi lain yang lebih mudah. *Cisco Webex* boleh diakses melalui iPhone, Mac, PC dan Google Play.

### GOOGLE MEET / GOOGLE HANGOUTS



*Google Meet* adalah aplikasi percuma yang boleh didapati di PC, Android, iOS dan Mac melalui pelayar web. Anda perlu memiliki akaun *Google* untuk membolehkan anda mendapat penggunaan panggilan video yang maksimum selama satu jam untuk 100 peserta dalam satu masa secara percuma. Anda perlu melanggan *Google Workspace* untuk memuatkan lebih ramai peserta dan mendapatkan durasi penggunaan yang lebih panjang. *Google Hangouts* pula adalah pilihan aplikasi yang lebih mudah digunakan jika anda ingin bersembang secara berdua dan ia boleh memuatkan seramai 10 orang pengguna aktif dalam satu masa.

### GOTOMEETING



*GoToMeeting* direka khas untuk menawarkan solusi yang lebih selamat untuk perjumpaan bisnes dalam talian. Ia memiliki ciri rangkaian yang dioptimumkan untuk penggunaan korporat dengan akses melalui platform popular termasuklah PC, Mac, iOS dan telefon Android. Ia dilengkapi dengan panggilan VOIP berkualiti untuk kegunaan seramai 25 pengguna kamera web berdefinisi tinggi (HD) secara serentak. Terdapat mod percubaan percuma dengan durasi yang terhad. Namun, ia memerlukan komitmen langganan jika anda ingin menggunakan fungsi sepenuhnya.

# BEKERJA DARI RUMAH DAN PENGAMBILAN PEKERJA SECARA DALAM TALIAN ADALAH CARA MASA HADAPAN: BERIKUT ADALAH 5 SEBAB UTAMANYA



Banyak syarikat yang tidak mengamalkan polisi bekerja dari rumah sebelum ini, kini terpaksa berhadapan dengan situasi yang sukar dan perlu menjadikan polisi untuk bekerja dari rumah menjadi satu amalan baharu disebabkan pandemik COVID-19 yang melanda di seluruh dunia. Amalan tersebut dapat membantu untuk membendung wabak tersebut daripada tersebar di tempat kerja.

Sejak beberapa bulan kebelakangan ini, syarikat-syarikat yang membenarkan polisi bekerja dari rumah buat pekerja mereka telah mendapat pelbagai faedah dan impak positif. Ia bukan sahaja membantu dari sudut produktiviti malahan meningkatkan tahap kepuasan pekerja dan juga penjimatan kos. Banyak syarikat telah membuat pilihan untuk menjadikan amalan bekerja dari rumah sebagai polisi tetap termasuklah organisasi besar seperti Twitter.

Apa yang lebih menarik, amalan tradisional seperti pengambilan pekerja yang biasanya memerlukan sesi temu duga secara bersemuka dan juga sesi orientasi untuk pekerja baharu kini boleh dilakukan secara maya melalui pelbagai aplikasi dan perisian persidangan video.

Berikut adalah **lima (5) manfaat** yang dapat diperoleh oleh kedua-dua pihak iaitu majikan dan pekerja yang telah menjadikan amalan bekerja dari rumah sebagai jalan strategik untuk menuju masa hadapan:

## 1 Peningkatan produktiviti

Bekerja dari rumah bermakna pekerja dapat menjimatkan masa kerana tidak perlu bergerak pergi ke pejabat. Pekerja juga tidak terdedah dengan gangguan luar dan dapat memberikan lebih fokus terhadap kerja. Penjimatan masa ini memberi nilai tambah dan menyumbang ke arah keseimbangan kerja dan hidup pekerja. Semua orang boleh memberikan prestasi yang lebih baik apabila pekerja lebih bermotivasi dan berpuas hati dengan ruang yang diberikan.

## 4 Kebolehan mencari dan mendapatkan pekerja berpotensi di mana sahaja

Dengan menawarkan polisi kerja jarak jauh, syarikat boleh mendapatkan pekerja berbakat dan berkemahiran tinggi yang datang dari banyak tempat dengan lebih mudah di samping dapat menjimatkan kos penempatan semula untuk kakitangan. Pekerja yang berpotensi pula mendapat lebih banyak pilihan untuk bekerja dengan sesiapa sahaja dan tidak dibataskan dengan jarak geografi.

## 2 Penjimatan kos untuk kakitangan dan syarikat

Dengan beralih strategi kepada amalan bekerja dari rumah, syarikat boleh membuat penjimatan yang besar dengan meminimumkan kos sewa pejabat, mengurangkan keperluan perabot, dan mengurangkan kadar bil elektrik. Pekerja pula tidak perlu berbelanja lebih untuk kos minyak kenderaan, tol dan makanan mahal di sekitar pejabat.

## 5 Mengurangkan pelepasan karbon dan pencemaran udara

Apabila ramai tidak lagi memandu kereta untuk pergi ke pejabat dan juga tidak lagi menggunakan kemudahan pejabat yang menjadi penyebab bil elektrik pejabat tinggi, bekerja dari rumah juga menyumbang kepada pengurangan pelepasan karbon dan menjadi suatu pencapaian dan kemenangan buat syarikat, pekerja, dan semestinya alam sekitar.

## 3 Teknologi yang lebih baik dan interaksi jarak jauh yang berkesan

Salah satu hujah utama keperluan untuk bekerja di pejabat adalah mengenai peluang interaksi yang mempunyai potensi tinggi. Namun dengan adanya sambungan internet digabungkan pula dengan medium dan teknologi persidangan video yang lebih canggih menjadikan pertemuan bersama kakitangan dan pelanggan dapat dilakukan dengan lebih mudah. Alat-alat digital untuk merekod prestasi dan tugas juga dapat membantu memastikan pekerja terus melakukan tugas-tugas untuk mencapai hasil yang dimahukan.

Hakikatnya, bekerja dari rumah bukanlah suatu amalan yang sesuai dan berkesan untuk semua orang dan syarikat tidak semestinya perlu tergesa-gesa untuk menjalankannya secara menyeluruh. Banyak organisasi menjalankan polisi bekerja dari rumah secara berperingkat untuk memastikan implementasinya dapat memberi manfaat kepada syarikat dan pekerja. Apa yang jelas ialah polisi bekerja dari rumah adalah pengaturan yang saling menguntungkan bagi kedua-dua pihak, untuk syarikat dan pekerja. Oleh itu, ia akan kekal, berterusan dan menjadi konsep bekerja untuk masa hadapan.

# PROGRAM DAN AKTIVITI CFM BERSAMA PENGGUNA



## TEMU BUAL BERSAMA ORIENTAL DAILY 10 Januari 2020 | Cyberjaya

Bagi memperluas lagi kesedaran kepada pengguna, satu temu bual telah dijalankan bersama akhbar bahasa Cina, Oriental Daily. Pengerusi CFM, Datin Mohana Mohariff telah berkongsi mengenai 'Tip melakukan Kemudahan Nombor untuk mengelak daripada disenarai hitam'. Artikel hasil temu bual tersebut telah disiarkan pada 17 Januari 2020.



## TEMU BUAL BERSAMA PAHANG FM 13 Januari 2020

CFM telah dijemput oleh Pahang FM untuk menyampaikan perkongsian mengenai 'Scam Panggilan Palsu' dalam satu temu bual khas yang disiarkan secara dalam talian di Facebook Live stesen radio tersebut. Temu bual tersebut telah berlangsung selama 30 minit dan disampaikan oleh Timbalan Pengerusi CFM, Mohamad Yusrizal Dato' Yusoff.



## SESI PERJUMPAAN CFM BERSAMA RTM PAHANG 28 Januari 2020 | Kuantan, Pahang

CFM telah berkunjung ke RTM Pahang untuk bertemu dan mengadakan mesyuarat ringkas bersama wakil dari RTM Pahang iaitu Timbalan Pengarahnya, Rida Suzirawati dan Ketua Bahagian Rancangan, Jaya Brabu.

terutamanya dalam menghebahkan informasi tentang kepenggunaan untuk manfaat pengguna.

Selepas sesi perjumpaan tersebut, dua (2) sesi temu bual telah dijalankan iaitu:

1. **Temu bual radio di konti Pahang FM secara langsung** – Datin Mohana Mohariff berkongsi mengenai 'Kelebihan dan Kelemahan e-Dompet'.
2. **Rakaman temu bual TV untuk rancangan Selamat Pagi Malaysia, TV1** – Datin Mohana Mohariff berkongsi mengenai 'Scam Panggilan Palsu'. Rakaman temu bual tersebut telah disiarkan pada 30 Januari 2020 di TV1.

Dalam pertemuan tersebut, CFM diwakili oleh Pengerusi CFM, Datin Mohana Mohariff; Ahli Majlis CFM, Abdul Rahman Samad; dan Pengurus Jabatan Komunikasi dan Perhubungan Awam CFM, Noor Shahdiella Abd Manan.

Pertemuan tersebut membincangkan beberapa aktiviti dan kerjasama yang boleh dijalankan bersama antara CFM dan RTM Pahang



## TEMU BUAL BERSAMA MAKKAL OSAI 8 Februari 2020 | Cyberjaya

Pengerusi CFM, Datin Mohana Mohariff telah berkongsi mengenai 'Cara menamatkan langganan perkhidmatan kandungan SMS mudah alih' dalam satu temu bual bersama akhbar bahasa Tamil, Makkal Osai. Artikel tersebut telah disiarkan di akhbar tersebut pada 8 Februari 2020.



## CFM SERTAI SARAWAK CONSUMER EXPO 2020 14-16 Februari 2020 | Kuching, Sarawak

CFM telah menyertai *Sarawak Consumer Expo* yang dianjurkan oleh Persatuan Suara Pengguna Sarawak (COVAS) yang juga merupakan ahli CFM. Program tersebut telah mengumpulkan 34 organisasi daripada pelbagai perkhidmatan untuk menyampaikan maklumat dan mendidik pengunjung mengenai kepenggunaan kepada penduduk di Sarawak. Ekspo tersebut berlangsung selama tiga (3) hari di Vivacity Megamall, Kuching.



## CFM SERTAI SAMBUTAN HARI RADIO SEDUNIA 2020 13 Februari 2020 | Angkasapuri, KL

Sambutan Hari Radio Sedunia 2020 telah diadakan di Angkasapuri Kuala Lumpur bagi merayakan kepelbagaian bidang penyiaran radio yang menjadi saluran untuk menyampaikan maklumat dan mendidik orang awam. Selain CFM, sambutan tersebut juga telah disertai oleh agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dan beberapa universiti. Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia pada masa tersebut, Dato' Suriani Dato' Ahmad telah berkunjung ke keruai CFM.



## SESI PERJUMPAAN DAN TEMU BUAL RADIO BERSAMA CATS FM 17 Februari 2020 | Kuching, Sarawak

CFM telah berkunjung ke stesen radio tempatan Sarawak, Cats FM dan mengadakan perjumpaan ringkas bersama Ketua Pegawai Eksekutif Cats FM, Tuan Hj. Iskandar Mohd Nawawi dan Pengurus Programnya, Aelma Zaidi. CFM diwakili oleh Pengarah CFM, Ahmad Izham Khairuddin dan Ketua Jabatan Komunikasi dan Perhubungan Awam CFM, Noor Shahdiella Abd Manan bersama tiga sekretariat yang lain.



## SESI PERKONGSIAN CFM BERSAMA PENGGUNA DI KUCHING 15 Februari 2020 | Kuching, Sarawak

Pada hari kedua Sarawak Consumer Expo anjuran COVAS, Pengarah CFM, Ahmad Izham Khairuddin telah menyampaikan perkongsian mengenai 'Scam dalam talian' kepada 50 pengunjung yang hadir di pentas utama ekspo tersebut di Vivacity Megamall, Kuching. Pengunjung juga telah menyertai kuiz *online* selepas sesi perkongsian dan lima (5) pemenang kuiz telah diberikan hadiah barangan khas CFM.

Pertemuan tersebut membincangkan kerjasama yang boleh dijalankan bersama Cats FM untuk menghebahkan isu-isu pengguna telekomunikasi dan multimedia di Sarawak melalui saluran radio tersebut.

Pada masa yang sama juga, turut diadakan rakaman temu bual radio di Cats FM mengenai 'e-Dompet dan tip melindungi data peribadi' yang telah disampaikan oleh Pengarah CFM. Temu bual tersebut telah disiarkan di Cats FM pada 21 Februari 2020.



## PAUTAN



**TEMU BUAL BERSAMA TRAXX FM**  
19 Februari 2020 | Angkasapuri, Kuala Lumpur

CFM telah dijemput untuk berkongsi tentang 'Keselamatan e-Dompet' di saluran radio bahasa Inggeris, Traxx FM dalam satu temu bual selama 30 minit yang disiarkan secara langsung dan juga di Facebook Live Traxx FM. Pengerusi CFM, Datin Mohana Mohariff telah menyampaikan perkongsian tersebut kepada pendengar.



**SESI PERKONGSIAN CFM BERSAMA PELAJAR UPM**  
25 Februari 2020 | Serdang, Selangor

CFM telah menyampaikan perkongsian mengenai 'Peranan CFM dan bahaya scam' kepada para pelajar UPM dalam dua (2) sesi berbeza iaitu:

1. Sesi pertama – bersama 52 pelajar Ijazah Sarjana Muda UPM (5.30 - 6.30 petang).
2. Sesi kedua – bersama 30 pelajar Ijazah Sarjana UPM (8.00 - 9.00 malam).

Kedua-dua sesi perkongsian tersebut telah disampaikan oleh Ketua Jabatan Komunikasi dan Perhubungan Awam CFM, Noor Shahdiella Abd Manan. Para pelajar telah menyertai kuiz online CFM selepas sesi perkongsian untuk mengetahui pemahaman mereka terhadap topik yang disampaikan.



**CFM SERTAI KARNIVAL KONSERT ORANG KITA 2020**  
29 Februari 2020 | Bentong, Pahang

CFM telah menyertai Karnival Konsert Orang Kita yang dianjurkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia bersama RTM. Beberapa organisasi termasuk CFM telah membuka gerai di Dataran Tras Bentong bagi memberi pendedahan kepada penduduk sekitar tentang peranan CFM yang dapat membantu pengguna.



**TEMU BUAL BERSAMA NASIONAL FM**  
20 April 2020

Selepas sebulan PKP dilaksanakan dalam negara, CFM dijemput oleh Nasional FM untuk berkongsi kepada para pendengar mengenai 'Tip menangani kesesakan rangkaian' dalam satu temu bual yang dijalankan melalui dalam talian. Timbalan Pengerusi CFM, Mohamad Yusrizal Dato' Yusoff telah berkongsi tip tersebut dalam temu bual yang disiarkan secara langsung di radio dan Facebook Live Nasional FM.



**TEMU BUAL BERSAMA RTM BIZZ TV1**  
19 Februari 2020 | Angkasapuri, Kuala Lumpur

Pengerusi CFM, Datin Mohana Mohariff telah menyampaikan perkongsian mengenai 'Manfaat e-Tunai kepada penduduk luar bandar' dalam satu rakaman temu bual untuk rancangan RTM Bizz di TV1. Temu bual selama 30 minit tersebut telah disiarkan di TV1 pada 20 Februari 2020, 6.00 petang.



**TEMU BUAL BERSAMA RTM FRESH BREW**  
27 Februari 2020 | Kuala Lumpur

CFM telah dijemput sebagai salah seorang panel dalam rancangan bual bicara RTM, *Fresh Brew* untuk berkongsi tentang 'e-Dompet' yang semakin meluas digunakan oleh pengguna di Malaysia. Pengerah CFM, Ahmad Izham Khairuddin telah mewakili CFM bersama seorang lagi panel daripada Grab telah menyampaikan perkongsian dalam rakaman temu bual tersebut. Rakaman tersebut telah disiarkan pada 15 Mac di TV2, saluran Berita RTM MyFreeview 123, dan platform dalam talian RTM MyKlik.



**TEMU BUAL BERSAMA TERENGGANU FM**  
31 Mac 2020

CFM telah dijemput untuk menjadi tetamu dalam temu bual di Terengganu FM untuk mengulas tentang 'Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat: Internet Percuma' yang telah diumumkan oleh kerajaan pada 27 Mac 2020 bagi membantu rakyat sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pengerusi CFM, Datin Mohana Mohariff telah mewakili CFM untuk mengulas perkara tersebut dan turut berkongsi tentang 'Tip menangani masalah rangkaian' ketika semua rakyat berada di rumah sepanjang PKP. Temu bual secara langsung itu telah diadakan melalui panggilan telefon dan berlangsung selama 15 minit. Ia turut disiarkan di Facebook Live Terengganu FM.



**TEMU BUAL BERSAMA PAHANG FM**  
30 April 2020

Isu kesesakan rangkaian menjadi antara isu yang kerap dihadapi oleh pengguna sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pahang FM telah menjemput CFM untuk berkongsi tentang 'Tip menangani kesesakan rangkaian' dalam satu temu bual yang dijalankan secara dalam talian. Perkongsian oleh Pengerusi CFM, Datin Mohana Mohariff selama 30 minit itu telah disiarkan secara langsung di radio dan Facebook Live Pahang FM pada pukul 9.30 pagi.

# 6 TIP TERBAIK UNTUK BEKERJA DARI RUMAH DENGAN LEBIH PRODUKTIF – LANGKAH PENTING UNTUK PASTIKAN KERJA ANDA SELESAI

*Ketahui 6 tip yang telah dicuba dan diuji ini tentang bagaimana untuk menjadikan diri anda pada tahap paling produktif dan memanfaatkan sepenuhnya waktu bekerja dari rumah*

Bekerja dari rumah pada hari ini bukanlah satu keistimewaan sebaliknya menjadi keperluan disebabkan pandemik dan penularan COVID-19. Organisasi dan kakitangan telah bersama-sama berusaha untuk menyesuaikan diri dengan kebiasaan baharu ini. Kemajuan sistem perhubungan di Malaysia, peningkatan internet mampu milik, dan teknologi baharu bukan sahaja menjadikan bekerja dari rumah sebagai amalan yang praktikal, malahan menjadikan ia cara hidup ke hadapan untuk jangka masa panjang.

Menyesuaikan diri dengan rutin baharu ini pastinya memberi cabaran buat segelintir pihak, terutama bagi mereka yang berdepan dengan banyak gangguan di rumah seperti karenah anak-anak dan haiwan peliharaan. Tapi jangan risau, kami telah senaraikan enam (6) tip terbaik yang boleh meningkatkan produktiviti anda sepanjang bekerja di rumah.

### IKUTI JADUAL DAN RUTIN HARIAN

Tetapkan satu rutin harian untuk memberikan anda rasa keteraturan pada minggu bekerja walaupun anda mempunyai jadual kerja yang fleksibel. Patuh dengan rutin tersebut sebanyak yang anda boleh. Sesetengah orang akan berpakaian kemas dan cantik walaupun bekerja dari rumah untuk membuatkan fikiran mereka sentiasa bersedia; ini juga penting sekiranya anda perlu melakukan perjumpaan video dalam talian.

### CIPTA RUANG KHUSUS UNTUK BEKERJA

Sentiasa tetapkan minda anda di dalam mod kerja dengan cara menyediakan satu ruang khas untuk bekerja. Cuba dapatkan satu ruang senyap untuk anda letakkan meja kerja seperti di bilik tetamu di mana anda boleh lari daripada sebarang gangguan seperti TV. Membuat satu ruang kerja di bilik tidur yang mempunyai pencahayaan yang baik boleh membantu badan anda untuk menyesuaikan dengan rutin tetap (ia juga sesuai untuk melakukan panggilan video yang lebih jelas). Pastikan anda memilih ruang yang berdekatan dengan penghala rangkaian Wi-Fi untuk mendapatkan sambungan internet yang lebih baik. Jika keperluan terhadap ruang dan privasi itu sangat tinggi, anda boleh memakai fon kepala yang dilengkapi dengan ciri pembatalan bunyi luaran secara aktif.

### BEZAKAN WAKTU KERJA DENGAN WAKTU LAIN

Tetapkan batasan yang jelas untuk membezakan waktu kerja dan waktu luar kerja anda termasuklah dengan cara melaksanakan jadual dan rutin seperti yang disebutkan sebelum ini. Melainkan berlakunya sesuatu krisis, jika waktu kerja anda sudah habis, tinggalkan semua yang belum selesai seperti panggilan telefon atau kertas kerja untuk di bawa ke hari esok.

### ELAKKAN MEDIA SOSIAL SEMASA WAKTU BEKERJA

Media sosial adalah ruang pembaziran masa yang boleh membuang berjam-jam masa yang berharga. Godaannya sangat kuat untuk mengajak anda melayar suapan kandungan dan berbual dengan rakan dalam talian. Jauhi media sosial semasa waktu bekerja dan jika anda tidak mampu melakukannya, cuba muat turun aplikasi yang boleh mengunci media sosial pada satu tempoh masa untuk anda mengelak membukanya.

### JANGAN LUPA LUANGKAN SEDIKIT MASA UNTUK DIRI ANDA

Sewaktu bekerja dari rumah, anda pastinya perlu menangani dan membuat penyesuaian antara tugas sebagai ibu bapa dan juga pekerja, dan ia kadangkala boleh menyebabkan anda kerap letih dan kepenatan. Ambil sedikit waktu untuk anda nikmati waktu rehat pendek dan dapatkan udara yang segar. Ambil snek segera dan lakukan latihan regangan sebelum anda kembali menyambung kerja.

### MELABUR UNTUK PERALATAN DAN SAMBUNGAN INTERNET YANG LEBIH BAIK

Tiada apa yang boleh merosakkan pengalaman kerja selain daripada sambungan internet yang lemah, prestasi peralatan kerja yang perlahan, dan kamera web yang tidak menyenangkan malahan menjadikan panggilan video anda kelihatan tidak profesional. Jika boleh, dapatkan sambungan internet berkelajuan tinggi mengikut kemampuan anda, dan dapatkan kamera web serta komputer riba atau set komputer bersama monitor yang berkualiti sesuai dengan lingkungan bajet anda.

